

NO. SOALAN: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN HJ ZAHARI

TARIKH : 7 MAC 2017

RUJUKAN : 9598

SOALAN:

Dato' Ahmad Fauzi Bin Hj Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan peratusan kes jenayah melibatkan warga negara asing di Lembah Klang dan apakah langkah yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberi perhatian yang khusus terhadap penglibatan warga asing dalam aktiviti jenayah sama ada yang datang untuk bekerja, belajar atau yang melancong ke negara ini. Gejala ini jika tidak dibendung boleh menimbulkan perasaan takut dan menyebabkan kegusaran kepada penduduk tempatan. Di samping itu, kedatangan warga asing turut menyumbang kepada peningkatan masalah sosial terutama kes yang berunsurkan maksiat, perjudian, penyalahgunaan dadah dan kes sosial yang lain.

Bagi memastikan penglibatan warga asing dalam jenayah dan masalah sosial yang lain tidak terus merebak dan boleh menjejaskan kerukunan serta keharmonian rakyat tempatan, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh PDRM seperti berikut:-

- a) Mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dan mengambil tindakan keras ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;**
- b) Mengadakan operasi-operasi ke atas tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai sarang-sarang sindiket dari semasa ke semasa;**

- c) **Menyengaraihitam warganegara asing yang dikenal pasti sering memasuki negara ini untuk menjalankan kegiatan pelacuran;**
- d) **Mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* oleh penyeludup-penyeludup yang membawa warganegara asing untuk dijadikan pelacur dan menyeludup dadah sebagai langkah pencegahan awal; dan**
- e) **Mengadakan kerjasama yang erat bersama agensi-agensi penguatkuasa lain bagi membendung gejala tidak bermoral ini.**

Kementerian akan terus memantau dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap penglibatan warga asing ini dengan membuat pemeriksaan secara bersepadu melibatkan PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia dan RELA di tempat tinggal dan tempat di mana mereka sering berkumpul. Kementerian juga turut bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk mengenalpasti warga asing yang datang sebagai pelajar tetapi menggunakan pas pelajar untuk tujuan lain.

Peratus kes jenayah melibatkan warganegara asing di Lembah Klang adalah seperti berikut:

**Statistik kes jenayah melibatkan warganegara asing mengikut
peratusan dalam jenayah indeks di Lembah Klang
bagi tahun 2014 sehingga 2016**

KESALAHAN	TAHUN 2014	TAHUN 2015	NAIK/ TURUN	%	TAHUN 2015	TAHUN 2016	NAIK/ TURUN	%
JENAYAH KEKERASAN :								
BUNUH	79	111	32	40.5	111	99	-12	-10.8
ROGOL	42	51	9	21.4	51	70	19	37.3
SAMUN BERKAWAN BERS/API	93	70	-23	-24.7	70	31	-39	-55.7
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	1,031	905	-126	-12.2	905	380	-525	-58.0
SAMUN BERSENJATAPI	17	34	17	0.0	34	73	39	0.0
SAMUN TANPA S/API	439	500	61	13.9	500	160	-340	-68.0
MENCEDERAKAN	331	399	68	20.5	399	343	-56	-14.0
JUMLAH	2,032	2,070	38	1.9	2,070	1,156	-914	-44.2
JENAYAH HARTABENDA :								
CURI	1,559	1,606	47	3.0	1,606	1,185	-421	-26.2
CURI MOTOKAR	804	894	90	11.2	894	189	-705	-78.9
CURI MOTOSIKAL	706	470	-236	-33.4	470	395	-75	-16.0
CURI VAN/LORI/J'BERAT	34	29	-5	-14.7	29	14	-15	-51.7
CURI RAGUT	399	291	-108	-27.1	291	141	-150	-51.5
PECAH RUMAH DAN CURI	2,866	2,614	-252	-8.8	2,614	1,594	-1020	-39.0
JUMLAH	6,368	5,904	-464	-7.3	5,904	3,518	-2386	-40.4
JUMLAH KES	8,400	7,974	-426	-5.1	7,974	4,674	-3300	-41.4